



### Siapa yang layak?

Sesebuah perniagaan layak bagi rangka kerja ini sekiranya:

- Pendapatan tahunan bagi Tahun Kewangan 2019 tidak melebih \$30 juta bagi keseluruhan kumpulan global; dan
- Ia telah mengalami sekurang-kurangnya kejatuhan sebanyak 70% dalam pendapatan purata kasar bagi tempoh antara Julai hingga Disember 2020, berbanding Julai hingga Disember<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Tempoh alternatif boleh digunakan sekiranya perniagaan tidak memulakan operasi semasa tempoh antara Julai hingga Disember 2019 atau pada Julai 2020. Bagaimanapun, perniagaan harus memulakan operasi (iaitu, berada dalam kedudukan untuk meraih pendapatan) pada 1 September 2020 untuk melayakkannya.

### Kontrak apa yang dilindungi?

Rangka Kerja Penyelarasian Semula ini boleh dilaksanakan sekiranya ses sebuah kontrak:

- Di bawah pemerintahan undang-undang Singapura
- Memiliki sekurang-kurangnya satu pihak yang mempunyai sebuah tempat perniagaan di Singapura
- Dikuatkuasakan sebelum 25 Mac 2020
- Termasuk di bawah salah satu kategori berikut:
  - Pajakan atau lesen bagi harta tanah tak alih bukan perumahan
  - Perjanjian sewa beli atau penjualan bersyarat bagi peralatan komersial atau kendaraan komersial (kecuali perjanjian dengan bank dan syarikat kewangan yang dikawal oleh Pengawas Kewangan Singapura)
  - Perjanjian sewa bagi peralatan komersial atau kendaraan komersial
  - Kontrak bagi penjualan dan pembelian barang atau perkhidmatan
- Bukan kontrak yang dikecualikan, contoh kontrak pengguna, kontrak pekerjaan, kontrak insurans, dan lain-lain.

Lungsuri [www.go.gov.sg/re-align-contracts](http://www.go.gov.sg/re-align-contracts) bagi senarai penuh kontrak yang dikecualikan

## Merundingkan Semula Kontrak Perniagaan dengan Rangka Kerja Penyelarasian Semula Perniagaan yang Layak Kontrak yang Layak

### Apakah Rangka Kerja Penyelarasian Semula?

Perniagaan kecil dan mikro yang telah terjejas teruk dengan COVID-19 dan ingin merundingkan semula beberapa jenis kontrak dengan rakan-rakan kontrak mereka boleh berbuat demikian di bawah Rangka Kerja Penyelarasian Semula antara 15 Januari dengan 26 Februari 2021.

Rangka kerja ini **membolehkan perniagaan untuk merundingkan semula kontrak mereka berdasarkan kondisi ekonomi masa kini dan objektif perniagaan**. Semua pihak sangat digalakkan untuk merundingkan semula kontrak-kontrak mereka dan mencapai persetujuan bersama. Sekiranya mereka tidak dapat mencapai persetujuan, kontrak akan ditamatkan. Perniagaan masih perlu menunaikan segala tunggakan hutang dan tanggungjawab, tetapi tidak perlu membayar penalti penamatkan awal.

